



Dimensi Islam Terhadap Konsep Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)

Muhamad Zulfadli Abdul Rahman¹
Mohamad Taqiuddin Mohammad²
Azizi Che Seman³

ABSTRAK

Sejak pengumuman kerajaan untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015, telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat seolah-olah terdapat sebilangan masyarakat yang menyokong hasrat kerajaan ini dan tidak kurang juga yang menolak pelaksanaan cukai ini. Pelbagai perbincangan dan penerangan giat dijalankan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat tentang pelaksanaan GST ini. Maka, penulisan artikel ini akan membincangkan tentang konsep asas percukaian Islam dan pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh para ulama terhadap pelaksanaan cukai dalam sesebuah Negara. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan berasaskan kaedah induktif, deduktif, dan komparatif melalui data-data yang diekstrak dari perpustakaan dan kajian-kajian lepas. Hasil awal kajian mendapati terdapat 2 kategori pandangan ulama tentang pelaksanaan cukai iaitu pandangan yang mengharamkan cukai dan pandangan yang menghalalkan pelaksanaan cukai dengan bersandarkan kepada dalil-dalil bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah.

Kata Kunci : GST, Percukaian Islam, Malaysia.

PENDAHULUAN

Dasar fiskal dan dasar moneter merupakan asas kepada perancangan ekonomi sesebuah negara. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berkembang, kedua-dua dasar ini perlu sentiasa praktikal dan strategik agar perbelanjaan seiring dengan pendapatan yang diperolehi.⁴ Sesebuah negara akan menghadapi perangkap hutang sekiranya tidak mampu untuk

¹ Muhamad Zulfadli Abdul Rahman, Calon Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, fadlirahman@siswa.um.edu.my

² Mohamad Taqiuddin Mohammad, PhD, Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, m.taqiuddin@um.edu.my

³ Azizi Che Seman, Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, azizi@um.edu.my

⁴ Widiyanti dan Marlina, "Dasar Fiskal Dan Pertumbuhan Ekonomi Di Negara Islam." *Proceeding of Scientific Conference*, no. 1B (ATMA UKM Bangi Malaysia, 2007), 336.

menyelesaikan masalah defisit dalam perbelanjaan. Bagi menangani hal ini, kerajaan perlu mempunyai lebih dalam pendapatan bagi membolehkan lebih banyak peluang untuk merangsang dan membangunkan ekonomi apatah lagi melihatkan kepada keadaan pasaran dalam keadaan ekonomi yang sentiasa berubah-ubah. Malaysia telah mengalami masalah defisit fiskal sejak lebih satu dekad malah defisit dalam bajet telah mengalami peningkatan sebanyak 7% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) walaupun kerajaan telah berusaha untuk menurunkan tahap bajet defisit sebanyak 5% pada tahun 2014 dan 4% pada tahun 2015.⁵

Bagi menangani masalah defisit ini, kerajaan perlu melaksanakan beberapa penambahbaikan pada dasar penstabil Negara antaranya pengukuhan terhadap dasar fiskal dan moneteri. Untuk menjamin pengukuhan fiskal, kerajaan bersungguh-sungguh dalam mengukuhkan kestabilan kewangan di samping menjalankan beberapa usaha terhadap pembaharuan fiskal antaranya dengan memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai *Goods and Service Tax* (GST) bagi memastikan kemantapan fiskal untuk jangka panjang dan keutuhan makroekonomi Negara.⁶

Jadi, berdasarkan kepada isu dan permasalahan yang wujud, perbincangan tentang pelaksanaan GST perlu dilihat dari aspek dimensi Islam. Hal ini kerana, melihatkan kepada isu-isu dan cabaran yang wujud dalam pelaksanaan GST dan ditambah pula kedudukan agama Islam yang tinggi dalam perlembagaan Malaysia sehingga diangkat sebagai agama rasmi Negara, maka setiap penelitian terhadap polisi dan pentadbiran Negara haruslah berpandukan kepada hukum-hukum syarak. Maka, sewajarnya perbincangan tentang pelaksanaan GST ini dirungkaikan lagi untuk diteliti dari kaca mata Islam pula.

Justeru, penulisan artikel ini ingin mencapai objektif utamanya iaitu menganalisis konsep pelaksanaan GST menurut perspektif Islam. Artikel ini sedikit sebanyak akan menyumbang kepada penerokaan terhadap sorotan kajian tentang konsep pelaksanaan GST, konsep percukaian Islam, hukum dan pandangan ulama tentang pelaksanaan cukai. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metodologi kajian melalui data-data yang diperolehi daripada sumber perpustakaan dan carian kajian-kajian lepas yang terdiri daripada kitab-kitab Arab, tesis dan disertasi, artikel-artikel, serta laporan-laporan yang dikeluarkan oleh institusi-institusi yang berkaitan. Kesemua data dan maklumat yang diperolehi ini telah diekstrak dan di analisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Pembahagian artikel ini dibahagikan seperti berikut. Bahagian pertama adalah pendahuluan yang menceritakan secara asas dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan isu-isu yang berlaku dalam dasar tersebut. Bahagian ke-2 menjelaskan tentang kronologi pelaksanaan GST di Malaysia yang melibatkan konsep asas pelaksanaan GST serta isu dan cabaran yang wujud dalam pelaksanaan GST. Bahagian ke-3 menjelaskan hasil dapatan kajian yang melibatkan konsep percukaian Islam dan dimensi Islam terhadap pelaksanaan GST di Malaysia. Bahagian ke-4 pula adalah kesimpulan daripada kajian ini.

KRONOLOGI PELAKSANAAN GST DI MALAYSIA

Sebelum GST diperkenalkan, pelaksanaan sistem percukaian terhadap barangan dan perkhidmatan dimulakan dengan pengamalan cukai jualan pada tahun 1972 dan cukai

⁵ Mohd Rizal Palil dan Mohd Adha Ibrahim, "The Impacts of Goods And Services Tax (GST) On Middle Income Earners In Malaysia", *World Review of Business Research* 1, no. 3 (2011), 195.

⁶ Kementerian Kewangan Malaysia, "Laporan Ekonomi 2014-2015", dalam *Pencapaian Strategik Bajet 2014* (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 2014), 14.

perkhidmatan pada tahun 1975 secara berasingan.⁷ Namun disebabkan wujudnya pelbagai kelemahan dalam sistem percukaian tersebut, maka penstrukturan semula telah dilakukan dengan menggabungkan kedua-dua cukai ini dan dinamakan sebagai Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau *Sales and Service Tax (SST)* pada tahun 1993.⁸

Pada pemerintahan YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan, pembentangan Bajet 2005 telah menyatakan bahawa GST bakal dilaksanakan berkuatkuasa pada 1 Januari 2007 bagi menggantikan SST, namun penangguhan pelaksanaan ini telah diumumkan pada tahun 2006. Walaubagaimanapun, semasa pembentangan Bajet 2009, kerajaan telah mengumumkan untuk melaksanakan GST dalam tempoh 18 bulan daripada waktu tersebut iaitu sekitar pertengahan tahun 2011.⁹

Seterusnya, semasa pentadbiran oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, pembentangan Bajet 2010 oleh beliau telah menjelaskan bahawa kerajaan telah berada di fasa terakhir dalam kajian untuk melaksanakan GST di Malaysia. Menjelang Disember 2009, Rang Undang-Undang GST telah dibentangkan di parlimen untuk bacaan kali pertama tetapi bacaan berikutnya telah ditunda.¹⁰

Pada tahun 2012, Perdana Menteri telah mengusulkan 62 jenis pindaan ke atas rang undang-undang tersebut dan menerima sebarang komen serta maklum balas terhadap pindaan tersebut. Menjelang pembentangan bajet 2014, Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan GST yang berkuatkuasa pada 1 April 2015 dengan menawarkan beberapa manfaat termasuk pengurangan kadar cukai korporat dan cukai pendapatan bagi mengurangkan kesan akibat daripada pelaksanaan GST.¹¹

Konsep Pelaksanaan GST Di Malaysia

GST merupakan sejenis cukai yang dikenakan terhadap barangan dan perkhidmatan. Ia boleh dikategorikan sebagai cukai yang bercirikan cukai tak langsung (*Indirect Tax*), cukai meluas (*Broad-based Tax*) dan cukai penggunaan (*Consumption Tax*) yang mana membawa maksud yang berbeza namun merujuk kepada satu perkara. Maksud bagi setiap istilah ini dijelaskan di dalam jadual di bawah :

Jadual 01.0 : Ciri-Ciri GST. ¹²

Kategori Cukai	Penjelasan
Cukai Tak Langsung (<i>Indirect Tax</i>)	Merupakan jenis cukai yang dikenakan ke atas setiap penghasilan sesuatu barangan, perkhidmatan atau aktiviti dan bukannya secara langsung ke atas pendapatan seseorang. ¹³
Cukai Meluas (<i>Broad-based Tax</i>)	Merupakan jenis cukai yang dilaksanakan secara umum ke atas setiap transaksi yang dilakukan oleh pembayar cukai dengan pengecualian yang terhad. Ia juga berbeza dengan cukai-cukai lain seperti cukai jualan yang mana

⁷ Richard Thornton dan Thenesh Kannaa, "*Malaysia Master GST Guide 2014*" (Kuala Lumpur: Commerce Clearing house, 2014), 6.

⁸ Ibid.

⁹ *Understanding Goods And Services Tax (GST) In Malaysia* (Singapore: Eurosource Publications Ltd, 2010), 5.

¹⁰ Richard Thornton dan Thenesh Kannaa, "*Malaysia Master GST Guide 2014*", 6.


¹¹ Ibid.

¹² Ibid., 3

¹³ Ibid.

Kategori Cukai	Penjelasan
	pelaksanaannya hanya ke atas sebahagian transaksi yang melibatkan jualan sahaja dan transaksi tersebut hanya terhad kepada sebahagian jenis barangan sahaja. ¹⁴
Cukai Penggunaan (<i>Consumption Tax</i>)	Merupakan jenis cukai yang ditanggung oleh pengguna diperingkat akhir dan bukan ditanggung oleh pembekal dan pengeluar. ¹⁵

GST dikenakan pada setiap rantai proses pengeluaran yang terdiri daripada pihak pengilang, pemborong, peruncit dan pelanggan. Secara mudahnya, mekanisme pelaksanaan GST ini dapat dijelaskan berdasarkan model di bawah :



Rajah 2.0 : Model Pelaksanaan GST di Malaysia.¹⁶

Dalam pengenalan kadar GST ini, kerajaan telah membahagikan kadar bekalan yang dikenakan GST kepada 3 kategori bekalan¹⁷ iaitu bekalan kadar standard, bekalan kadar sifar dan bekalan dikecualikan GST. Bekalan kadar standard ditakrifkan sebagai pembekalan sesuatu barangan dan perkhidmatan yang dikenakan cukai tertakluk kepada kadar standard yang ditetapkan iaitu sebanyak 6%.¹⁸ Secara asasnya, bekalan yang dikenakan pada kadar standard ini meliputi segala jenis barang dan perkhidmatan yang tidak termasuk dalam kategori bekalan kadar sifar dan bekalan yang dikecualikan GST.¹⁹ Selain itu, individu yang dikenakan cukai (taxable person) juga layak untuk membuat tuntutan semula kredit cukai input (input tax credit)²⁰ ke atas input perniagaan dalam bekalan yang dikenakan cukai.²¹

Bekalan kadar sifar merupakan urusan niaga yang mana kadar cukai yang dikenakan adalah pada 0%. Pengenaan kadar cukai 0% ini juga lebih dikenali dengan istilah “zero-rating supplies” atau diklasifikasikan sebagai “GST-Free” oleh kebanyakan Negara luar seperti Australia.²² Kadar cukai 0% ini hanya sah untuk dikenakan pada peringkat akhir proses

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia, *Bajet 2015 & Maklumat Cukai* (Kuala Lumpur: Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia, 2015), 409.

¹⁷ Choong Kwai Fatt, “Towards Goods and Services Tax in Malaysia: A Preliminary Study”, (artikel, 2006), 3.

¹⁸ Wong Chi Tieng, “*Understanding GST in Malaysia*” (Kuala Lumpur: Pan Asia Publication, 2014), 31.

¹⁹ Choong Kwai Fatt, “Goods and Services Tax Act 2014” (Selangor : Thomson Reuters Malaysia Sdn Bhd, 2014), 11.

²⁰ Yee Hun Leek, “*GST Implementation & Readiness Assessment : A Quick Business Guide & Checklist*” (Petaling Jaya: YHL Consulting Group Sdn. Bhd., 2015), 29. Kredit Cukai Input (*Input Tax Credit*) adalah satu kredit cukai yang dikenakan ke atas input perniagaan. Dalam skim undang-undang GST, setiap peniaga perlu untuk mengira jumlah GST yang dikenakan ke atas bekalan yang dihasilkann dan dibenarkan untuk mengkreditkan GST ke atas bekalan yang dilakukan oleh pihak lain. Kredit Cukai Input diwujudkan untuk memastikan tanggungan sebenar GST akan ditanggung oleh pengguna akhir atau pengguna persendirian. Peniaga yang menjadi sebahagian daripada rantai bekalan bertindak sebagai pengumpul cukai tetapi tidak menanggung cukai tersebut pada peringkat yang terakhir.

²¹ Nor Hafizah Abdul Mansor dan Azleen Ilias, “Goods And Services Tax (GST): A New Tax Reform In Malaysia”, *International Journal of Economics Business and Management Studies*, vol.2 no.1 (2013), 14.

²² CCH Tax Editor, “GST: A Malaysian Perspective” (Singapore: CCH Asi Pte Limited, 2004), 67.

penambahan nilai manakala kadar standard cukai akan dikenakan pada peringkat sebelumnya dan apa-apa cukai yang ditanggung semasa proses penambahan nilai (kredit cukai input) boleh dituntut semula oleh individu yang berdaftar.²³

Bekalan dikecualikan GST merupakan pembekalan terhadap apa-apa jenis barangan atau perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah seksyen 9 akta cukai barangan dan perkhidmatan 2014.²⁴ Pembekalan yang dikecualikan GST juga merupakan satu transaksi dimana kerajaan berhak untuk mengenakan cukai namun memilih untuk memberi pengecualian transaksi daripada sebarang pengenaan cukai pada peringkat tertentu.²⁵ Walaubagaimanapun, sifat GST yang merupakan cukai pelbagai peringkat hanya mengenakan pengecualian cukai pada satu peringkat proses nilai tambah cukai sahaja.²⁶

Isu Dan Cabaran Pelaksanaan GST

Dalam melakukan pembaharuan pada sesuatu perkara ia bukanlah hal yang mudah. Ini kerana masyarakat di sekeliling akan sentiasa memberi respon terhadap sesuatu perubahan berlaku sama ada ingin menerima atau menolak pada sesuatu inovasi yang dilakukan. Penerimaan atau penolakan terhadap sesuatu inovasi didorong oleh beberapa faktor seperti kesediaan, pengetahuan dan kemampuan seseorang untuk berhadapan dengan sebarang pembaharuan yang dilakukan.²⁷

Sejak pengumuman kerajaan untuk melaksanakan GST pada 1 April 2015, pelbagai reaksi telah timbul dalam kalangan masyarakat dalam memberi respon terhadap perkara ini. Kebanyakan masyarakat banyak memberi kritikan terhadap tindakan kerajaan untuk melaksanakan GST sehingga membawa kepada provokasi yang mencetuskan demonstrasi dan bantahan secara besar-besaran di Ibu Kota.²⁸ Penglibatan daripada golongan pelajar dan mahasiswa pula dilihat tidak kurang hebatnya apabila terdapat sebilangan jumlah yang besar mahasiswa yang terlibat dalam demonstrasi dan bantahan bagi mengkritik pelaksanaan GST ini.²⁹

Rentetan daripada timbulnya pelbagai isu tentang pelaksanaan GST, inisiatif dalam merungkai keadaan sebenar tentang pelaksanaan GST telah dilakukan. Pelbagai jenis perbincangan seperti forum³⁰, soal jawab,³¹ penerangan³², dan perdebatan³³ rancak dilakukan bagi menjelaskan isu ini. Perbincangan tentang GST ini dipanjangkan lagi apabila mula

²³ Ibid.

²⁴ Choong Kwai Fatt, "Goods and Services Tax Act 2014", 56.

²⁵ CCH Tax Editor, "GST: A Malaysian Perspective", 74.

²⁶ Ibid.

²⁷ Mohani Abdul, *Income Tax Non-Compliance in Malaysia*, (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2003), 35.

²⁸ Diyana Ibrahim, "Peserta Demonstrasi Bantah GST Rempuh Bangunan Kastam," laman sesawang *The Malaysian Insider*, dicapai pada 22 Disember 2015, <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peserta-demonstrasi-bantah-gst-rusuh-bangunan-kastam>.

²⁹ The Rakyat Post, dikemaskini pada 21 April 2015, dicapai pada 22 Disember 2015, <http://bm.therakyatpost.com/berita/2015/04/21/1000-mahasiswa-sertai-demo-bantah-gst-1-mei-depan/>.

³⁰ Saiful Bahri Kamaruddin, "Tujuan GST Meperbaiki Ekonomi Negara- Forum Ekonomi", laman sesawang Universiti Kebangsaan Malaysia, dicapai pada 24 Disember 2015, http://www.ukm.my/news/Latest_News/tujuan-gst-memperbaiki-ekonomi-negara-forum-ekonomi/.

³¹ Fathul Bari, "08.04.2015-Soal Jawab TV3- GST Menurut Perspektif Islam", laman sesawang *Youtube Drfathulbari*, dicapai 24 Disember 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=u8fiOCKHpos>.

³² Berita Harian Online, "PM Akan Rasmi Majlis Penerangan Perdana GST", laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai pada 23 Disember 2015, <http://www.bharian.com.my/node/4259>.

³³ Lokman Adam, Zaharuddin Abd Rahman dan Rafizi Ramli, "#Debat GST: Lokman Adam VS Zaharuddin & Rafizi Ramli," laman sesawang *Youtube Klxpress*, dicapai 23 Disember 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=XHvkjaFo2kE>.

dikaitkan dengan sentimen agama³⁴ dan isu integriti dalam pentadbiran negara.³⁵ Hasilnya, pelbagai hujah berasaskan pandangan Islam dan dalil telah dilontarkan demi mengukuhkan persepsi masing-masing baik menerima atau mengkritik pelaksanaan GST ini.

Walaupun pelbagai perbincangan dan penerangan telah dilakukan untuk memberi kefahaman, namun penerimaan masyarakat masih tidak memuaskan.³⁶ Tambahan pula, apabila sentimen agama mula dihubungkan menyebabkan perlunya kepada kefahaman tentang konsep asas percukaian Islam. Hal ini kerana dalam membincangkan pelaksanaan GST menurut perspektif Islam, pengetahuan tentang konsep asas percukaian Islam perlu terlebih dahulu difahami dengan jelas. Justeru, konsep asas percukaian Islam dilihat sebagai satu kayu ukur yang penting dalam menilai dimensi Islam terhadap pelaksanaan GST ini.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Konsep Asas Percukaian Islam

Menurut pentakrifan secara konvensional, cukai dijelaskan sebagai satu bayaran wajib yang dikutip untuk kegunaan sesuatu tujuan yang telah ditetapkan oleh kerajaan yang tidak boleh dipertikaikan oleh rakyat yang mana bayaran tersebut bukan suatu denda ataupun sesuatu perkhidmatan yang diberikan.³⁷ Namun, dalam Islam cukai tidak mempunyai pentakrifan yang tersendiri daripada pandangan ilmuan-ilmuan Islam namun ia ada dibincangkan dalam bab tuntutan harta ke atas pemilik-pemilik harta di dalam Negara Islam³⁸ dan kemudiannya diperkembangkan oleh ahli-ahli ekonomi Islam sehingga mempunyai persamaan dengan pentakrifan cukai secara konvensional.

Cukai dari persepektif Islam pula ia merujuk kepada perkataan '*al-Dharibah*' yang diambil daripada perkataan asal '*dharaba*' yang membawa maksud hutang, cukai tanah, dan selainnya³⁹. *Al-Dharibah* pula bermaksud sesuatu kadar tertentu yang mesti dibayar yang dikenakan ke atas pendapatan seseorang daripada hasil tanaman atau harta.⁴⁰ Cukai dilihat sebagai satu paksaan dan beban yang perlu ditanggung oleh setiap orang yang mempunyai harta dan pendapatan.

Dalam Islam, istilah cukai lebih sinonim dengan lafaz '*Al-Kharaj*'⁴¹ yang membawa maksud cukai, perolehan, perolehan yang diambil daripada harta atau pendapatan seseorang,⁴² pendapatan harta awam, sewaan,⁴³ perolehan daripada orang perseorangan atau tanah dan juga

³⁴ Fathul Bari, "08.04.2015-Soal Jawab TV3- GST Menurut Perspektif Islam", Lihat juga Zaharuddin Abd Rahman, "Pro & Kontra Cukai GST," laman sesawang *Youtube Officialdrzaharuddinabdrahman*, dicapai 23 Disember 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=tzCg1pAFCIk>.

³⁵ Izra Abdul Rahman, "Isu RM 2.6 Bilion, GST Dipolitikkan, Tiada Kaitan 1MDB-Arul Kanda", laman sesawang *Mstar*, dicapai pada 20 Julai 2016, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/06/15/arul-jawab-soalan-penjawat-awam/>.

³⁶ Ahmad Azrin Adnan, "Rakyat Perlu Cuba Faham GST", laman sesawang Sinar Online, dicapai pada 4 Januari 2016, <http://www.sinarharian.com.my/wawancara/rakyat-perlu-cuba-faham-gst-1.368964>.

³⁷ Veerinderjeet Singh, "Veerinder on Malaysian Tax Theory And Practice", Edisi ke-2 (Singapore: CCH Asia Pte Limited, 2013), 3.

³⁸ Abd al-Aziz al-Ali Al-Naim, "*Nizam al-Dara'ib fi al-Islam*", cet. ke-3 (Kaherah: Universiti Kaherah, 1974), 19.

³⁹ Abu Yusuf, "*Kitab Al-Kharaj (Tahqiq wa Ta'liq) Muhammad Ibrahim al-Bana*" (Mesir: Dar al-Islah, 1981), 69.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Muhammad Ibn Ya'qub, "*Al-Qamus al-Muhit*", jilid pertama (Qaherah: Mu'assasah al-Halabi wa al-Sharikah, t.t.), 184.

⁴² Ibn Manzur, "*Lisan al-'Arab*", jilid ke-2 (Beirut: Dar al-Sadr, t.t.), 251.

⁴³ Idris Marbawi, "*Kamus Idris al-Marbawi : Arab-Melayu*" (Kuala Lumpur: Darul Fikr, t.t.), 182.

membawa maksud kadar-kadar tertentu yang dikenakan.⁴⁴ Asalnya lafaz cukai tidak wujud dalam Islam kerana tiada satu ayat Al-Quran mahupun Hadith Rasulullah s.a.w yang menjelaskan secara literal istilah cukai dan hukum-hakamnya kerana sebahagian besar konsep *Al-Kharaj* merujuk kepada cukai tanah⁴⁵ dan akhirnya diguna pakai sehingga membawa kepada kewujudan jenis cukai-cukai yang lain dalam Islam.

Cukai dalam Islam dapat dijelaskan melalui 3 bahagian. Bahagian pertama adalah cukai yang telah disyariatkan oleh Islam ke atas umat Islam iaitu zakat.⁴⁶ Bahagian kedua adalah cukai dari kategori *Al-Fai'* yang dikenakan ke atas glongan bukan Islam yang menetap di bawah pemerintahan Islam. Cukai *Al-Fai'* ini dapat dibahagikan kepada 3 jenis iaitu *Al-Kharaj*⁴⁷, *Al-Jizyah*⁴⁸, dan *Al-Usyur*⁴⁹. Bahagian yang ketiga pula adalah cukai dari kategori *Al-Khumus*⁵⁰ yang terdiri daripada *Al-Ghanimah*⁵¹, *Al-Rikaz*⁵², dan harta daripada lautan dan sungai.⁵³

Pensyariatkan cukai dapat dikategorikan kepada 2 pandangan iaitu pandangan golongan pertama dan pandangan golongan kedua. Pandangan golongan pertama mengenai cukai ini adalah pandangan yang cenderung untuk menolak pelaksanaan cukai. Terdapat beberapa ulama yang berpandangan pertama ini seperti Ibn Muflih⁵⁴ dan Al-Hijawi⁵⁵ yang bermazhab Hanbali, Ibn Al-Azraq⁵⁶ dan Ibn Hajar al-Haytami⁵⁷ yang bukan daripada mazhab hanbali, serta ulama-ulama semasa seperti al-Mula al-Harawi al-Qari⁵⁸ dan Hafiz Ahmad 'Ajjah Karami.⁵⁹

Pandangan kedua mengenai cukai ini adalah pandangan yang menerima pelaksanaan cukai oleh pemimpin-pemimpin Negara Islam yang mana disyariatkan melalui hasil *Ijma'* dan *Qias* para ulama. Ulama-ulama seperti Ibn Hazm, Ibn Taimiyah, Ibn al-Muslim al-Syafi'i, Al-Syatibi, Ibn Khaldun, termasuk ulama-ulama semasa seperti Mahmud Syaltut dan Ahmad al-

⁴⁴ Muhammad Ibn Ya'qub, "*Al-Qamus al-Muhit*", 184.

⁴⁵ Fuadah Johari dan Patmawati Ibrahim, "*The Dynamism In The Implementattion of al-Kharaj During The Islamic Rule*" Jurnal Syariah, 18/3 (2010), 630.

⁴⁶ Azizah Dolah, "*Zakat Dan Cukai Di Malaysia: Praktis Mudah Pembayar Zakat dan Cukai Individu*" (Selangor: Penerbit Uitm, 2012), 9.

⁴⁷ Muhammad 'Abd Al-Manan, "*Islamic Economic: Theory And Practice*" (Cambridge: The Islamic Academy, t.t.), 242.

⁴⁸ Ibid., 243.

⁴⁹ Muhammad Abdul Mun'im Al-Jamal, "*Ensiklopedia Ekonomi Islam*", Jilid Pertama, terj. Salahuddin Abdullah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 317.

⁵⁰ Muhammad Akram Khan, "*Islamic Economics and Finance: A Glossary*", ed. ke-2 (London: Routledge, 2004), 114.

⁵¹ Mohd Said Ishak, "*Umar Ibn Al-Khaththab: Pelaksanaan Hukum Islam*" (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2000), 40.

⁵² Haron Din, "*Islam: Ibadah Pembina Tamadun Manusia*" (Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2007), 62-63.

⁵³ Ahmad 'Abd al-Hadi Talkhan, "*Maliyyah al-Daulah al-Islamiyyah al-Mu'asirah*" (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1992), 67.

⁵⁴ Ibn Muflih, Shams al-Din Abu' Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Mufrij al-Maqdisi al-Hanbali, "*Kitab Al-Furu'*", Suntingan 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2003), 10.

⁵⁵ Al-Hijawi, Syaraf al-Din Abu al-Naja Musa bin Ahmad bin Musa bin Salimbin 'Isa bin Salimal-Maqsidi, "*Al-Iqna Fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*", Suntingan 'Abd al-Latif Muhammad Musa al-Subki (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), 2.

⁵⁶ Al-Azraq, Ahmad Haj Ali, "*Nizam al-Doro'ib Fi al-Islam*" (Majallah al-Jami'ah al-Islamiyah bi al-Madinah al-Munawwarah, 1980), 271-280.

⁵⁷ Ibn hajar al-Haytami, Abu al-'Abbas Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Sa'di al-Ansori, "*Al-Zawajir 'an Iqtiraf al-Kaba'ir*" (Beirut : Dar al-fikr, 1987), 299.

⁵⁸ Al-Qari, 'Ali bin Muhammad Abu al-Hasan Nur al-Din al-Mula al-Harawi, "*Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Masobih*" (Beirut: Dar al-Fikr, 2002), 6.

⁵⁹ Karami, hafiz Ahmad A'jjaj, "*Al-Idarah Fi 'Asr al-Rasul Salla Allah 'Alayhi wa Sallam*" (Al-Qaherah:: Dar al-Salam, 2006), 162.

Raysuni bersetuju bahawa kerajaan diberi kebenaran untuk mengenakan cukai kepada rakyat sekadar untuk membantu memenuhi tuntutan masalah umum dalam pentadbiran sesebuah Negara.⁶⁰

Dimensi Islam Terhadap Pelaksanaan GST

Pensyariatan cukai dapat dikatogerikan kepada 2 pandangan iaitu pandangan yang mengharamkan cukai dan pandangan yang menghalalkan cukai. Bagi pandangan yang mengharamkan pelaksanaan cukai, antara perkara-perkara yang menjadi isu adalah apabila pemimpin di sesebuah Negara itu diharamkan untuk mengutip sebarang cukai daripada rakyatnya yang bukan dibenarkan oleh syarak. Selain itu, perbuatan mengutip cukai disifatkan sebagai satu dosa besar malah pengutip dan golongan-golongan yang terlibat dalam proses kutipan cukai juga tergolong dalam pelaku dosa. Tambahan pula, mengutip cukai merupakan satu kezaliman besar kerana ia seperti merampas harta benda seseorang disaat ia memerlukan untuk kesejahteraan hidup malah pelaksanaan kutipan cukai ini tidak dilakukan semasa zaman Rasulullah s.a.w.⁶¹

Asas penolakan terhadap pelaksanaan cukai dilihat pada dalil pengharaman cukai dalam firman Allah s.w.t. yang berbunyi :

إِنَّمَا السَّمِيلُ عَلَى مَا لَدَيْنَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ آلٍ أَقُولُ لَكُمْ لَمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Terjemahan : “Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang yang beroleh azab seksa yang tidak berperi sakitnya.”

Al-Syura 42: 42

Ayat di atas digunapakai sebagai dalil pengharaman cukai disebabkan oleh pengharaman untuk melakukan kezaliman. Dalam konteks percukaian, pengutip cukai (*al-makks*) merupakan antara golongan yang melakukan kezaliman. Kezaliman pengutip cukai ini bukan sahaja dilihat pada kezaliman mereka terhadap manusia tetapi kezaliman ke atas diri mereka. Hal ini kerana, kezaliman yang dilakukan oleh pengutip cukai ini merujuk kepada pengambilan sesuatu harta terhadap seseorang yang mereka tidak mempunyai hak untuk mengambilnya dan menyerahkan kepada mereka yang tidak berhak untuk menerimanya.⁶²

Tambahan pula, terdapat juga hadith pengharaman cukai berdasarkan daripada Ruwaifi' bin Thabit melaporkan, Rasulullah s.a.w. bersabda:

صاحب المكس في النار

Terjemahan : “Sesungguhnya pemimpin yang mengenakan ‘al-maks’ (sebahagian ulama mentakrifkan sebagai cukai) adalah di dalam neraka.” Hadith Hasan diriwayat oleh Imam Ahmad dan Al-Tobarani.⁶³

⁶⁰ Arieff Salleh Rosman et al., “Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) Berdasarkan Perspektif Fiqh Kontemporari,” (artikel, Bengkel Penyediaan Soal jawab GST Menurut Perspektif Islam, Felda Residence Kuala Terengganu, 1 Mac 2015), 29-31.

⁶¹ Arieff Salleh Rosman et al., “Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) Berdasarkan Perspektif Fiqh Kontemporari”, 35.

⁶² Al-Zahabi, Shams al-Din Abu Abd ‘Allah Muhammad bin Ahmad bin Uthman Qaymaz, “*Al-Kaba'ir*” (Beirut: Dar al-Nadwah al-al-Jadidah, t.t.), 115.

⁶³ Ahmad bin Hanbal, “*Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*”, suntingan Syu'aib al-Arna'ut et.al (Beirut : Mu'assasah al-Risalah, 2001), 526. Lihat juga Al-Tobarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayyup

‘Uqbah bin Amir melaporkan, “Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

لا يدخل صاحب مكس الجنة

Terjemahan: “Pengutip cukai tidak masuk syurga”. Hadith sahih diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Al-Hakim, dan Al-Baihaqi. Menurut Imam al-Hakim, “Hadith ini hadith sahih mengikut syarat yang ditetapkan oleh Imam Muslim, tetapi hadith ini tidak diriwayatkan olehnya.”⁶⁴

Hadith di atas menjelaskan tentang pengutip cukai yang ditempatkan di dalam neraka. Berdasarkan dua potongan hadith di atas, Yazid bin Harun ada menjelaskan bahawa “*Sohib maks* ialah *al-asyshar* (pengutip cukai usyur ke atas rakyat beragama Islam).⁶⁵ Selain itu, ia juga merujuk kepada pengutip cukai yang mengambil harta secara haram daripada orang ramai.⁶⁶ *Al-Maks* juga mempunyai maksud kutipan cukai yang merujuk kepada golongan yang melakukan kezaliman dalam urusan jual beli.⁶⁷ Selain itu, amalan mengutip cukai ini merupakan amalan masyarakat jahiliyyah yang kemudiannya menjadi amalan raja-raja Arab dan bukan Arab yang mana mereka mengutip cukai 10% daripada harta dagangan para peniaga apabila memasuki kawasan raja tersebut.⁶⁸

Maka, sekiranya pandangan pertama ini dijadikan asas dalam pertimbangan terhadap pelaksanaan GST, ia dilihat sebagai satu kezaliman kerana pihak kerajaan telah mengambil harta yang dimiliki oleh rakyat melihatkan kepada amalan kutipan cukai ini sebagai satu bentuk kezaliman kerana ia ibarat merampas harta yang telah diperolehi oleh masyarakat disaat kos sara hidup di Malaysia yang semakin meningkat dan menyifatkan perbuatan mengutip cukai merupakan sebahagian daripada dosa besar.

Bagi golongan yang menghalalkan pelaksanaan cukai, pelaksanaan cukai ini ibarat satu tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan. Para ulama telah berijtihad bahawa wujudnya tanggungjawab sosial yang wajib dipenuhi selain daripada membayar zakat seperti persoalan yang dikemukakan kepada Ibnu Umar⁶⁹ berkaitan dengan tanggungjawab pada harta. Beliau menjawab persoalan itu dengan mengemukakan hadith Rasulullah s.a.w. yang dinyatakan oleh Fatimah bt Qais yang berbunyi :

إن في المال لقا سوى الزكاة

Terjemahan : “Sesungguhnya dalam harta itu ada hak yang wajib dikeluarkan selain zakat.” Kemudian Nabi membacakan surah al-Baqarah ayat 177. Hadith daif diriwayatkan oleh Imam al-Tarmizi.⁷⁰

bin Mutir al-Lakhmi, “*Al-Mu’jam al-Kabir*”, Suntingan Hamdi bin Abd al-Majid al-Salafi, cet. ke-2 (al-Qaherah: Maktabah Ibnu Taimiyah, 1994), 29.

⁶⁴ Al-Hakim, Abu Abd Allah Muhammad bin Abd Allah bin Muhammad al-Nisaburi, “*Al-Mustadrak ‘ala al-Sohihayn*”, Suntingan Mustafa Abd al-Qadir ‘Ata (Beirut: Dar al-Kutub al-‘ilmiyah, 1990), 562.

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ Al-Asbahani, Sadr al-Din Abu Tahir al-Salafi Ahmad bin Muahmmad, “*Al-Tuyuriyat*”, suntingan Dismar Yahya Ma’ali dan Abbas Sakhr al-Hasan (Riyadh: Maktabah Adwa’ al-salaf, 2004), t.h.

⁶⁷ Muslim bin al-Hajjaj, Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Nisaburi, “*Sohih Muslim*”, Suntingan Muhammad Fu’ad Abd al-Baqi (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, t.t). 1984.

⁶⁸ Abu Ubayd, Al-Qasim bin Salam, “*Kitab al-Amwal*”, suntingan Abu Anas Sayyid bin Rajab (Mesir: Dar al-hady al-Nabawi, 2007), 201.

⁶⁹ Muhammad al-Sadiq ‘Afifi, “*Al-Mujtama’ al-Islami wa Falsafah al-Maliyyah al-Iqtisadiyyah*” jilid ke-2 (Kaherah: Maktabah al-Khanji, 1980), 169.

⁷⁰ Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak, “*Sunan al-Tirmizi*”, cet. ke-2, suntingan Muhammad Fuad Abd al-Baqi, (Mesir: Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1975), 39.

Seterusnya, Sya'bi menjawab persoalan yang sama tentang hak ke atas harta selain zakat⁷¹ dengan menyatakan firman Allah s.w.t. yang menerangkan tentang tanggungjawab harta selain daripada mengeluarkan zakat yang berbunyi :

[illegible]

Terjemahan : “Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat. Tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, hari akhirat, segala malaikat, segala kitab, dan sekalian Nabi. Dan mendermannya seseorang akan hartanya sedang ia menyayangnya, - kepada kaum kerabat, anak yatim, dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang sabil. Orang yang demikian sifatnya, mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang yang bertaqwa.”

Al-Baqarah 2: 177

Berdasarkan ayat di atas, tanggungjawab sosial adalah tanggungjawab setiap individu dan bukan hanya sekadar membayar zakat. Tanggungjawab sosial adalah tugas utama dalam sesebuah kerajaan Islam dan merupakan masalah umum yang perlu diperlihara. Oleh itu, kerajaan dibenarkan untuk meletakkan kewajipan kepada rakyatnya untuk sama-sama menyumbang sebahagian harta bagi membantu menjaga dan melaksanakan tanggungjawab sosial dengan mengenakan cukai dan cukai tersebut akan digunakan untuk pelaksanaan tanggungjawab sosial sekaligus dapat menjaga kemaslahatan⁷² umum rakyat.⁷³ Maka, pelaksanaan GST ini diambil kira sebagai satu tanggungjawab sosial oleh masyarakat bagi membantu meningkatkan pendapatan dan ekonomi Negara.

Asas penerimaan terhadap pelaksanaan cukai dilihat pada dalil dalam firman Allah s.w.t. yang berbunyi :

خَفَافًا وَيَقْلًا وَاجْهَدُوا يَمْ وَلَكُمْ وَالْأَنْفُسُ فِي سَبِيلِ مَالٍ ۚ لَكُمْ خَيْرٌ لِمُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahan : “Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab). Dan berjihadlah dengan harta

⁷¹ Muhammad al-Sadiq 'Afifi, "*Al-Mujtama' al-Islami wa Falsafah al-Maliyyah al-Iqtisadiyyah*", 169.

⁷² Masalah yang dimaksudkan adalah masalah yang diperakui oleh syarak iaitu masalah mu'tabarrah bukan masalah yang tidak diperakui oleh syarak iaitu masalah mursalah. Apabila sesuatu masalah itu tidak menepati syarak, maka ia tidak dikira sebagai masalah yang sebenar. Rujuk Abdul al-Karim Zaydan, "*al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*" (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2006), 187. Lihat juga Wahbah al-Zuhaili, "*Usul al-fiqh al-Islami*" (Beirut: Dar al-Fikr, 2011), 37.

⁷³ Yusuf Al-Qaradawi, *"Fiqh al-Zakat ; Dirasah Muqaranah Li Ahkamiha Wa Falsafatiha Fi Daw' Al-Quran wa Al-Sunnah"*, cet. ke-25 (Al-Qaahira: Maktabah Wahbah, 2006), 113.

benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui.”

At-Taubah 9:41

Ayat di atas menjelaskan tentang kewajiban jihad dengan diri dan harta. Ini bermakna selain daripada membayar zakat, seseorang umat Islam perlu memberi sumbangan dalam bentuk harta untuk tujuan berjihad. Maka demi menjaga keselamatan sesebuah Negara, kerajaan dibenarkan untuk mengutip cukai sebagai sebagai satu sumber perbelanjaan menaiktaraf sistem keselamatan negara untuk menjaga kemaslahatan rakyat.⁷⁴

Selain itu, terdapat hadith keharusan cukai yang berkaitan dengan tanggungjawab terhadap harta yang tidak hanya pada kewajiban zakat sahaja. Fatimah binti Qais ada menyatakan, Rasulullah s.a.w. bersabda :

إِنَّ فِي الْمَالِ لَفَا سَوَى الزَّكَاةِ

Terjemahan : *“Sesungguhnya dalam harta itu ada hak yang wajib dikeluarkan selain zakat.”* Kemudian Nabi membacakan surah al-Baqarah ayat 177.

Hadith daif diriwayatkan oleh Imam al-Tarmizi.⁷⁵

Tambahan pula, walaupun masyarakat akan menghadapi kemudaran khusus iaitu berlakunya pengurangan dalam harta yang dimiliki. Namun, jika kerajaan tidak melaksanakan kutipan cukai akan mengundang kemudaran umum yakni banyak masalah umum tidak dapat dilaksanakan oleh kerajaan. Maka, kerajaan dibenarkan untuk mengutip cukai bagi memenuhi masalah umum disamping mencegah kemudaran umum.⁷⁶ Perkara ini berdasarkan kepada penilaian melalui Kaedah Fiqhiyyah:

يَتَحْمَلُ الضَّرْرَ الْخَاصَّ لِجَلِّ دَفْعِ ضَرَرِ الْعَامِ

Terjemahan: *Ditanggung kemudaran khusus untuk mengelakkan berlakunya kemudaran umum.*⁷⁷

Maka, sekiranya pandangan kedua ini dijadikan asas dalam pertimbangan, pelaksanaan GST dilihat sebagai satu tanggungjawab sosial oleh rakyat bagi membantu pihak kerajaan untuk membangunkan ekonomi Negara dalam usaha untuk mengurangkan kemudaran yang lebih besar sekiranya GST ini tidak dilaksanakan melihat kepada potensi pelaksanaan GST dalam membantu meningkatkan ekonomi Negara. Melihatkan kepada keadaan ekonomi semasa Malaysia, pandangan kedua ini dilihat lebih relevan dalam usaha memperbaiki tahap ekonomi Negara.

KESIMPULAN

Secara asasnya, konsep percukaian Islam dilihat sebagai satu kayu ukur dalam memahami senario pelaksanaan sistem percukaian di Malaysia. Hal ini kerana, perlembagaan Malaysia yang menjunjung agama Islam sebagai agama rasmi Negara menjadikan hukum-hakam syariah perlu dijadikan sebagai sumber rujukan dalam berhadapan dengan sebarang isu-isu semasa

⁷⁴ Ibid., 114.

⁷⁵ Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak, “*Sunan al-Tirmizi*”, 39.

⁷⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Kajian Terhadap Cukai Barangan dan Perkhidmatan”, laman sesawang e-fatwa JAKIM, dicapai pada 12 Jun 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/kajian-terhadap-cukai-barangan-dan-perkhidmatan-gst>.

⁷⁷ Ahmad Ibn al-Shaykh Muhammad al-Zarqa, “*Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*” ed. ke-6 (Dimashq: Dar al-Qalam, 2001), 197.

dalam pentadbiran sesebuah Negara Islam. Maka, untuk memahami keperluan atau rasionalisasi pelaksanaan GST perlu melihat pada konsep asas percukaian Islam dan hukum-hakam syariah.

Hukum pelaksanaan cukai perlulah dilihat kepada keadaan sesebuah Negara apatah lagi wujudnya perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha bagi menetapkan hukum pelaksanaan cukai. Setiap pandangan yang diberikan mempunyai sebab yang kukuh untuk menerima atau menolak sesuatu pelaksanaan cukai dengan melihat kepada keadaan semasa ekonomi yang dihadapi oleh setiap individu dan juga negara. Maka, pandangan-pandangan ini wajar dijadikan panduan dalam mencorak sistem percukaian GST di samping menambahbaik setiap kelemahan yang wujud agar tidak menjejaskan kestabilan ekonomi rakyat.

Selain itu, respon masyarakat terhadap pelaksanaan GST juga dilihat sebagai satu kritikan awal kepada pihak kerajaan dalam mencorak sistem pentadbiran Negara. Bagi menentukan julat tahap penerimaan dan penolakan masyarakat ini, satu kajian berkaitan persepsi dan penerimaan masyarakat perlu dilaksanakan bagi melihat sejauh mana tahap penerimaan masyarakat dan sejauh mana tahap penolakan masyarakat terhadap pelaksanaan GST.

RUJUKAN

- Abd al-Aziz al-Ali Al-Naim, "*Nizam al-Dara'ib fi al-Islam*", cet. ke-3 (Kaherah: Universiti Kaherah, 1974).
- Abdul al-Karim Zaydan, "*al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*" (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2006).
- Abu Ubayd, Al-Qasim bin Salam, "*Kitab al-Amwal*", suntingan Abu Anas Sayyid bin Rajab (Mesir: Dar al-hady al-Nabawi, 2007).
- Abu Yusuf, "*Kitab Al-Kharaj (Tahqiq wa Ta'liq) Muhammad Ibrahim al-Bana*" (Mesir: Dar al-Islah, 1981).
- Ahmad 'Abd al-Hadi Talkhan, "*Maliyyah al-Daulah al-Islamiyyah al-Mu'asirah*" (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1992).
- Ahmad Azrin Adnan, "Rakyat Perlu Cuba Faham GST", laman sesawang Sinar Online, dicapai pada 4 Januari 2016, <http://www.sinarharian.com.my/wawancara/rakyat-perlu-cuba-faham-gst-1.368964>.
- Ahmad bin Hanbal, "*Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*", suntingan Syu'aib al-Arna'ut et.al (Beirut : Mu'assasah al-Risalah, 2001).
- Ahmad Ibn al-Shaykh Muhammad al-Zarqa, "*Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*" ed. ke-6 (Dimashq: Dar al-Qalam, 2001).
- Al-Asbahani, Sadr al-Din Abu Tahir al-Silafi Ahmad bin Muahmmad, "*Al-Tuyuriyat*", suntingan Disman Yahya Ma'ali dan Abbas Sakhr al-Hasan (Riyadh: Maktabah Adwa' al-salaf, 2004).
- Al-Azraq, Ahmad Haj Ali, "*Nizam al-Doro'ib Fi al-Islam*" (Majallah al-Jami'ah al-Islamiyah bi al-Madinah al-Munawwarah, 1980).
- Al-Hakim, Abu Abd Allah Muhammad bin Abd Allah bin Muhammad al-Nisaburi, "*Al-Mustadrak 'ala al-Sohihayn*", Suntingan Mustafa Abd al-Qadir 'Ata (Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyah, 1990).
- Al-Hijawi, Syaraf al-Din Abu al-Naja Musa bin Ahmad bin Musa bin Salim bin 'Isa bin Salimal-Maqsidi, "*Al-Iqna Fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*", Suntingan 'Abd al-Latif Muhammad Musa al-Subki (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t).
- Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak, "*Sunan al-Tirmizi*", cet. ke-2, suntingan Muhammad Fuad Abd al-Baqi, (Mesir: Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi, 1975).

- Al-Tobarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayyup bin Mutir al-Lakhmi, "*Al-Mu'jam al-Kabir*", Suntingan Hamdi bin Abd al-Majid al-Salafi, cet. ke-2 (al-Qaherah: Maktabah Ibnu Taimiyah, 1994).
- Al-Qari, 'Ali bin Muhammad Abu al-Hasan Nur al-Din al-Mula al-Harawi, "*Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Masobih*" (Beirut: Dar al-Fikr, 2002).
- Al-Zahabi, Shams al-Din Abu Abd 'Allah Muhammad bin Ahmad bin Uthman Qaymaz, "*Al-Kaba'ir*" (Beirut: Dar al-Nadwah al-al-Jadidah, t.t.).
- Arieff Salleh Rosman et al., "Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) Berdasarkan Perspektif Fiqh Kontemporari," (artikel, Bengkel Penyediaan Soal jawab GST Menurut Perspektif Islam, Felda Residence Kuala Terengganu, 1 Mac 2015).
- Azizah Dolah, "*Zakat Dan Cukai Di Malaysia: Praktis Mudah Pembayar Zakat dan Cukai Individu*" (Selangor: Penerbit Uitm, 2012).
- Berita Harian Online, "PM Akan Rasmi Majlis Penerangan Perdana GST", laman sesawang Berita Harian Online, dicapai pada 23 Disember 2015, <http://www.bharian.com.my/node/4259>.
- CCH Tax Editor, "*GST: A Malaysian Perspective*" (Singapore: CCH Asi Pte Limited, 2004).
- Choong Kwai Fatt, "Goods and Services Tax Act 2014" (Selangor : Thomson Reuters Malaysia Sdn Bhd, 2014).
- _____, "Towards Goods and Services Tax in Malaysia: A Preliminary Study", (artikel, 2006).
- Diyana Ibrahim, "Peserta Demonstrasi Bantah GST Rempuh Bangunan Kastam," laman sesawang *The Malaysian Insider*, dicapai pada 22 Disember 2015, <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peserta-demonstrasi-bantah-gst-rusuh-bangunan-kastam>.
- Fathul Bari, "08.04.2015-Soal Jawab TV3- GST Menurut Perspektif Islam", laman sesawang Youtube Drfathulbari, dicapai 24 Disember 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=u8fiOCkHpos>.
- Fuadah Johari dan Patmawati Ibrahim, "*The Dynamism In The Implementattion of al-Kharaj During The Islamic Rule*" Jurnal Syariah, 18/3 (2010).
- Haron Din, "*Islam: Ibadah Pembina Tamadun Manusia*" (Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2007).
- Ibn Hajar al-Haytami, Abu al-'Abbas Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Sa'di al-Ansori, "*Al-Zawajir 'an Iqtiraf al-Kaba'ir*" (Beirut : Dar al-fikr, 1987).
- Ibn Manzur, "*Lisan al- 'Arab*", jilid ke-2 (Beirut: Dar al-Sadr, t.t.).
- Ibn Muflih, Shams al-Din Abu' Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Mufrij al-Maqsidi al-Hanbali, "*Kitab Al-Furu*", Suntingan 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2003).
- Idris Marbawi, "*Kamus Idris al-Marbawi : Arab-Melayu*" (Kuala Lumpur: Darul Fikr, t.t.).
- Izra Abdul Rahman, "Isu RM 2.6 Bilion, GST Dipolitikkan, Tiada Kaitan 1MDB-Arul Kanda", laman sesawang Mstar, dicapai pada 20 Julai 2016, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/06/15/arul-jawab-soalan-penjawat-awam/>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Kajian Terhadap Cukai Barangan dan Perkhidmatan", laman sesawang e-fatwa JAKIM, dicapai pada 12 Jun 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/kajian-terhadap-cukai-barangan-dan-perkhidmatan-gst>.
- Karami, Hafiz Ahmad A'jjaj, "*Al-Idarah Fi 'Asr al-Rasul Salla Allah 'Alayhi wa Sallam*" (Al-Qaherah: Dar al-Salam, 2006).

- K. Saira, M.A. Zariyawati & L.Yoke-May, "An Exploratory Study of Goods and Services Tax Awareness in Malaysia", (artikel, Seminar on National Resilience dalam Political Management and Policies in Malaysia, t.t).
- Kementerian Kewangan Malaysia, "Laporan Ekonomi 2014-2015", dalam *Pencapaian Strategik Bajet 2014* (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 2014).
- Lau Zheng Zhou, Jarren Tam dan Jordan Heng, "The Introduction of Goods and Services Tax In Malaysia: A Policy Analysis" (artikel, Centre for Public Policy Studies, Asian Strategy & Leadership Institute, 2013).
- Lokman Adam, Zaharuddin Abd Rahman dan Rafizi Ramli, "#Debat GST: Lokman Adam VS Zaharuddin & Rafizi Ramli," laman sesawang *Youtube Klxpress*, dicapai 23 Disember 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=XHvkjaFo2kE>.
- Mohani Abdul, *Income Tax Non-Compliance in Malaysia*, (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2003).
- Mohd Rizal Palil dan Mohd Adha Ibrahim, "The Impacts of Goods And Services Tax (GST) On Middle Income Earners In Malaysia", *World Review of Business Research* 1, no. 3 (2011).
- Mohd Said Ishak, "*Umar Ibn Al-Khaththab: Pelaksanaan Hukum Islam*" (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2000).
- Muhammad 'Abd Al-Manan, "Islamic Economic: Theory And Practice" (Cambridge: The Islamic Academy, t.t.).
- Muhammad Abdul Mun'im Al-Jamal, "*Ensiklopedia Ekonomi Islam*", Jilid Pertama, terj. Salahuddin Abdullah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980).
- Muhammad Akram Khan, "*Islamic Economics and Finance: A Glossary*", ed. ke-2 (London: Routledge, 2004).
- Muhammad al-Sadiq 'Afifi, "*Al-Mujtama' al-Islami wa Falsafah al-Maliyyah al-Iqtisadiyyah*" jilid ke-2 (Kaherah: Maktabah al-Khanji, 1980).
- Muhammad Ibn Ya'qub, "*Al-Qamus al-Muhit*", jilid pertama (Qaherah: Mu'assasah al-Halabi wa al-Sharikah, t.t).
- Muslim bin al-Hajjaj, Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Nisaburi, "*Sohih Muslim*", Suntingan Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, t.t).
- Nor Hafizah Abdul Mansor dan Azleen Ilias, "Goods And Services Tax (GST): A New Tax Reform In Malaysia", *International Journal of Economics Business and Management Studies*, vol.2 no.1 (2013).
- Nurulhasni Shaari, Alizah Ali dan Noraini Ismail, "Student's Awareness And Knowledge On The Implementation Of Goods And Services Tax (GST) In Malaysia", *Procedia Economic and Finance* 31 (2015).
- Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia, *Bajet 2015 & Maklumat Cukai* (Kuala Lumpur: Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia, 2015).
- Richard Thornton dan Thenesh Kannaa, "*Malaysia Master GST Guide 2014*" (Kuala Lumpur: Commerce Clearing house, 2014).
- Saiful Bahri Kamaruddin, "Tujuan GST Meperbaiki Ekonomi Negara- Forum Ekonomi", laman sesawang Universiti Kebangsaan Malaysia, dicapai pada 24 Disember 2015, http://www.ukm.my/news/Latest_News/tujuan-gst-memperbaiki-ekonomi-negara-forum-ekonomi/.
- The Rakyat Post, dikemaskini pada 21 April 2015, dicapai pada 22 Disember 2015, <http://bm.therakyatpost.com/berita/2015/04/21/1000-mahasiswa-sertai-demo-bantah-gst-1-mei-depan/>.
- Understanding Goods And Services Tax (GST) In Malaysia* (Singapore: Eurosource Publications Ltd, 2010).

- Veerinderjeet Singh, "*Veerinder on Malaysian Tax Theory And Practice*", Edisi ke-2 (Singapore: CCH Asia Pte Limited, 2013).
- Wahbah al-Zuhaili, "*Usul al-fiqh al-Islami*" (Beirut: Dar al-Fikr, 2011).
- Widiyanti dan Marlina, "Dasar Fiskal Dan Pertumbuhan Ekonomi Di Negara Islam." *Proceeding of Scientific Conference*, no. 1B (ATMA UKM Bangi Malaysia, 2007).
- Wong Chi Tieng, "*Understanding GST in Malaysia*" (Kuala Lumpur: Pan Asia Publication, 2014).
- Yee Hun Leek, "*GST Implementation & Readiness Assessment : A Quick Business Guide & Checklist*" (Petaling Jaya: YHL Consulting Group Sdn. Bhd., 2015).
- Yusuf Al-Qaradawi, "*Fiqh al-Zakat ; Dirasah Muqaranah Li Ahkamiha Wa Falsafatiha Fi Dau' Al-Quran wa Al-Sunnah*", cet. ke-25 (Al-Qaherah: Maktabah Wahbah, 2006).
- Zaharuddin Abd Rahman, "Pro & Kontra Cukai GST," laman sesawang *Youtube Officialdrzaharuddinabdrahman*, dicapai 23 Disember 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=tzCg1pAFCIk>.